

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian berjaya menangani masalah penyeludupan bahan api sejak melaksanakan sistem apungan harga petrol dan diesel.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Semenjak pengapungan harga petrol dan diesel dilaksanakan, masih terdapat aktiviti penyelewengan petrol dan diesel di kawasan sempadan negara. Daripada bulan Disember 2014 sehingga April 2015, sebanyak **63 percubaan menyeludup** bahan api telah dikesan dan berjaya dipatahkan yang melibatkan **22,773 liter petrol** dan **165,197 liter diesel**. Nilai rampasan bahan api tersebut dianggarkan berjumlah **RM336,753**.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejak bantuan Baucar Buku 1Malaysia disediakan untuk Mahasiswa Universiti Awam dan Swasta, setakat mana pula perkembangan industri penerbitan dan jualan buku di seluruh negara ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Objektif utama pemberian Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) adalah bagi meringankan beban pelajar seperti yang termaktub di dalam **Strategi Mensejahterakan Rakyat pada Bajet 2015: Ekonomi Keperluan Rakyat**. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan garis panduan yang menyatakan penggunaan baucar hanya terhad kepada pembelian bahan buku-buku akademik, jurnal, majalah ilmiah dan e-book sahaja. Syarat pendaftaran yang dikeluarkan pada tahun ini juga diperketatkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) di mana hanya penjual/pekedai buku sahaja dibenarkan. Prosedur penebusan baucar oleh pekedai/penjual buku perlu disertakan resit jualan di mana BSN akan meneliti pembelian tersebut supaya barang jualan adalah buku sahaja.

Peraturan ini secara tidak langsung telah meningkatkan penjualan buku dengan dana sebanyak RM325 juta yang telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Program ini juga telah memberi manfaat kepada lebih daripada 1,020 penjual/pekedai buku di seluruh negara yang terlibat dengan Program BB1M.